

## BAB TIGA

### KAEDAH PENYELIDIKAN

#### Pengenalan

Bahagian ini akan menghuraikan perkara-perkara penting tentang sampel kajian, alatan kajian dan prosedur kajian.

#### Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih selepas ujian saringan Kemahiran Bacaan Jawi diberikan kepada kelas Tahun Dua Ikhlas, Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Selangor. Kesemua murid-murid dari kelas itu diberikan satu ujian saringan. Hasil dari ujian ini sepuluh orang murid telah dikenalpasti sebagai tidak boleh membaca Jawi. Sampel dipilih daripada murid Tahun Dua untuk memastikan sampel telah pun mengenal huruf rumi dan telah menguasai kemahiran bacaan rumi. Kemahiran sedia ada dalam bacaan rumi diperlukan dan digunakan semasa murid mempelajari Bacaan Jawi melalui Kaedah Gabungan Bunyi Kata.

#### Alatan Kajian

##### 1. Ujian Saringan Kemahiran Bacaan Jawi

Satu set bahan ujian Kemahiran Bacaan Jawi yang dibentuk oleh Profesor Isahak Haron telah diubahsuai dan digunakan bagi menguji dan menentukan taraf keboleh bacaan murid-murid (lihat Lampiran A). Semua murid Tahun Dua Ikhlas diuji dengan ujian saringan tersebut. Tujuan ujian ini adalah untuk memilih sepuluh orang murid yang tidak boleh langsung membaca bahan bacaan jawi.

2. Ujian Kemahiran Bacaan Jawi.

Satu set bahan ujian Kemahiran Bacaan Jawi telah diuji kepada murid pada minggu keenam iaitu selepas mereka mengikuti lima waktu pengajaran. Ujian ini menguji murid dalam kemahiran-kemahiran berikut:

- a. Kemahiran membaca perkataan dalam ejaan jawi.
- b. Kemahiran membaca ayat dalam ejaan jawi.
- c. Kemahiran menulis perkataan dalam ejaan jawi.
- d. Kemahiran menulis ayat dalam ejaan jawi.

(lihat lampiran B)

3. Ujian Bacaan Secara Lisan

Enam ayat telah dibina berdasarkan sukukata-sukukata yang telah dipelajari dalam manuskrip ‘Mudah Membaca Jawi’ oleh Prof. Isahak Haron untuk menguji bacaan murid-murid secara lisan (lihat lampiran C).

Ujian bacaan secara lisan juga dijalankan pada minggu keenam iaitu selepas murid-murid selesai menjalani Ujian Kemahiran Bacaan Jawi secara bertulis. Setiap murid diminta membaca ayat-ayat yang telah disediakan seorang demi seorang di hadapan guru.

4. Borang rekod anekdot harian.

Borang ini digunakan untuk mencatat tahap pencapaian murid selepas setiap pengajaran. Kemajuan dan kelemahan setiap orang murid akan dicatatkan secara terperinci. (lihat lampiran F).

### 5. Manuskrip Jawi "Mudah Membaca Jawi"


Bahan pengajaran yang akan digunakan oleh penyelidik bagi program pengajaran Bacaan Jawi secara amali ini adalah Manuskrip Jawi "Mudah Membaca Jawi" yang disusun oleh Profesor Isahak Haron (lihat Lampiran H). Manuskrip ini masih belum diterbitkan lagi. Bahan pengajaran ini disusun menurut langkah-langkah pendekatan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi. Prinsip yang digunakan bagi mengajar Bacaan Jawi sama seperti yang digunakan untuk mengajar Bacaan Rumi dalam buku "Mudah Membaca Bahasa Malaysia" (1990). Tetapi Manuskrip Jawi ini telah disesuaikan dengan Sistem Ejaan Jawi.

### 6. Alat Bantu Mengajar.

Alat bantu mengajar yang sesuai digunakan oleh penyelidik semasa mengajar. Alat bantu mengajar terdiri daripada:

#### a. Kad imbasan

##### i. Kad imbasan huruf seperti:




Guru menggunakan kad-kad tersebut semasa memperkenalkan huruf-huruf baru kepada murid.

##### ii. Kad imbasan suku kata seperti:



Murid menyebut, menyusun dan mencantum kad-kad imbasan suku kata tersebut membentuk perkataan dan ayat mudah seperti di bawah ini;



Penggunaan kad adalah untuk mengukuhkan kemahiran murid dalam membaca suku kata, perkataan dan ayat jawi.

- b. Bahan-bahan maujud yang berkaitan dengan perkataan yang dipelajari seperti buku, kuku, kaki, dada dan mata. Bahan-bahan tersebut digunakan untuk mengukuhkan kefahaman murid terhadap makna perkataan yang dipelajari.
- c. Papan Hitam.

Guru menggunakan papan hitam untuk menunjukkan cara menulis dan menyambung huruf-huruf jawi.

#### **Cara Kajian dijalankan**

Sebelum kajian dijalankan pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan pihak sekolah

Pengkaji melaporkan diri kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sri Serdang pada 8 Ogos 1994. Pengkaji menerangkan kepadanya tujuan kajian dan rancangan untuk menjalankan pengajaran Bacaan Jawi di bilik darjah selama

lima minggu di sekolah tersebut. Guru Besar telah memberi kebenaran dan mencadangkan supaya pengkaji berbincang dengan guru Pendidikan Islam tahun Dua.

Setelah pengkaji berbincang dengan guru Pendidikan Islam Tahun Dua iaitu Ustazah Nurul Huda bte Md. Yusof, beliau bersetuju membenarkan pengkaji memberi ujian saringan kepada semua murid Tahun Dua Ikhlas menggunakan peruntukan waktu Pendidikan Islam selama (30 minit) pada 9 Ogos 1994. Beliau juga membenarkan pengkaji mengambil sepuluh orang murid yang dikenalpasti tidak boleh membaca jawi daripada kelas tersebut untuk diajar oleh pengkaji sendiri di kelas yang berasingan.

Pengkaji mengajar selama lima minggu bermula pada 11 Ogos 1994 hingga 23 September 1994. Rancangan pelajaran disusun bagi tempuh lima minggu dalam 10 period iaitu dua period berkembar atau 60 minit seminggu. (lihat Lampiran D). Program pengajaran Bacaan Jawi yang dijalankan terdiri daripada unit-unit bahan bacaan yang terdapat dalam manuskrip jawi "Mudah Membaca Jawi" yang disusun oleh Profesor Isahak Haron. (lihat lampiran H).

Pengkaji mencatatkan tentang pengajaran guru dan tahap pencapaian setiap murid dalam borang rekod anekdot harian selepas setiap pengajaran untuk tujuan penyelidikan. Maklumat tersebut juga digunakan untuk merancang aktiviti pengajaran seterusnya.

Selepas lima minggu pengajaran, pengkaji memberi kepada semua murid tersebut Ujian Kemahiran Bacaan Jawi secara bertulis (lihat Lampiran B) dan Ujian Bacaan secara lisan (lihat Lampiran C). Data-data dikaji dan disusun semula serta diberi interpretasi.